

# Kementerian Kesihatan terus semarakkan Dikir Maulud



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (dua, kiri) hadir mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan pada Majlis Dikir.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Isnin, 27 November. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Rombongan Dikir Kementerian Kesihatan itu diketuai oleh



SUASANA pada Majlis Dikir rombongan Kementerian Kesihatan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Kamaruzaman bin Haji Jakardi dan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat serta diteruskan dengan bacaan Dikir Assalaamu'alaika serta Dikir Badat Lana.

Acara diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Dikir Marhaban, Doa

Dikir dan diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Md. Idris bin Haji Abdul Rashid dari Kementerian Kesihatan.

Seramai 60 warga Kementerian Kesihatan hadir bagi menyemarakkan majlis tersebut terdiri daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle; ketua-ketua fungsi, pegawai-pejawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan serta penduduk kampung setempat.

Majlis merupakan salah satu

aktiviti tahunan kementerian tersebut bagi sama-sama menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam serta memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini.

Ia juga bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Kesihatan untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menunjukkan rasa kasih sayang terhadap jasa-jasa Baginda yang telah memancarkan cahaya dan roh Islam kepada umat Islam.

## Latihan bersama TUDB - TUDA



PERTUKARAN cenderamata di antara pegawai Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan Tentera Udara Diraja Australia (TUDA).

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 November. - Tentera Udara Diraja Australia (TUDA) dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) baru-baru ini menjalankan aktiviti bersama untuk meningkatkan kesediaan operasi dan saling boleh kendali.

Menurut Siaran Akhbar Suruhanjaya Tinggi Australia di negara ini, kedua-dua pasukan anak kapal tersebut mengadakan Airman-to-Airman Exchange, di mana mereka meneroka peranan RAAF C-130J Hercules dan pesawat CN-235 RBAirF dalam menyokong misi mencari dan menyelamat.

Anggota tentera udara juga berkongsi pengetahuan tentang amalan dan teknik semasa dalam menjalankan misi mencari juga menyelamat dari pesawat pengangkutan.

C-130J Hercules milik RAAF mampu membawa 12 penumpang atau tujuh palet kargo serta dapat menurunkan bekalan dan anggota payung terjun.

Australia mempunyai 12 RAAF C-130J Hercules dalam perkhidmatan yang menyediakan platform yang sangat berkebolehan untuk pelbagai tugas, termasuk peranan penting dalam pencarian Australia serta bantuan survivor dan bencana.

Sebarang maklumat terperinci mengenai pesawat itu bolehlah didapati di laman sesawang [www.airforce.gov.au/Technology/Aircraft/C-130-Hercules/?RAAFEPzAnXmgjWuyTq8XSZbcAUaUIYicntiB](http://www.airforce.gov.au/Technology/Aircraft/C-130-Hercules/?RAAFEPzAnXmgjWuyTq8XSZbcAUaUIYicntiB).

## UNISSA terima kunjungan BALITBANG



TIMBALAN Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (lima, kanan) menyampaikan cenderahati kepada Ketua Rombongan Badan Penelitian dan Pengembangan (BALITBANG), Kementerian Agama Republik Indonesia, Dra Hajah Suhanah, M.Pd.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menjadi perhatian masyarakat luar negara dengan menerima kunjungan penyelidikan dari Badan Penelitian dan Pengembangan (BALITBANG), Kementerian Agama Republik Indonesia.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, badan tersebut memainkan peranan penting dalam melaksanakan penelitian

dan pengembangan serta pendidikan dan pelatihan dalam bidang keagamaan.

Kunjungan BALITBANG, Indonesia yang diketuai oleh Dra Hajah Suhanah, M.Pd tersebut disertai seramai lima pegawai dan dua daripadanya adalah pegawai Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam.

Rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Rektor UNISSA,

Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad serta beberapa pegawai utama UNISSA.

Kunjungan tersebut untuk mengetahui pergerakan organisasi Islam yang terdapat di negara ini dengan mengaitkan pertubuhan mahasiswa di UNISSA, di samping untuk mengenali suasana kehidupan beragama dalam kalangan mahasiswa.

Sesi Dialog mengenai peranan Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban yang terdapat di UNISSA, isu wakaf dan perbincangan kerjasama dalam bidang kajian ilmiah juga diadakan.